

Perwakilan Wanita dalam Parlimen Malaysia: Analisis Perwakilan Deskriptif dan Substantif Berdasarkan Teori Pitkin

Women's Representation in the Malaysian Parliament: An Analysis of Descriptive and Substantive Representation Based on Pitkin's Theory

AMIRUL AZAM ASRI*, AIN SYAZWANY MOHD RASHID & ROSYIDAH MUHAMAD

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS),

Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus,

Terengganu Darul Iman, Malaysia

Corresponding author: rosyidah@umt.edu.my

Received: 28 February 2026 Accepted: 15 May 2026

Abstrak

Peningkatan bilangan wanita sebagai Ahli Parlimen sering dianggap sebagai petunjuk kemajuan demokrasi dan keterangkuman gender dalam politik. Namun demikian, persoalan sama ada kehadiran wanita ini benar-benar diterjemahkan kepada pembelaan kepentingan wanita secara substantif masih kurang diberikan perhatian, khususnya dalam konteks politik berparti di Malaysia. Artikel ini bertujuan menganalisis perwakilan wanita dalam Parlimen Malaysia pasca Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) dengan memberi tumpuan kepada perbezaan antara perwakilan deskriptif dan perwakilan substantif berdasarkan Teori Perwakilan oleh Hanna Pitkin. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dengan lima orang Ahli Parlimen wanita yang dipilih secara purposif. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik berpanduan kerangka teori Pitkin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun perwakilan deskriptif wanita semakin meningkat, perwakilan substantif masih bersifat terhad dan bersyarat, dipengaruhi oleh disiplin parti, struktur institusi dan norma Parlimen. Artikel ini menyumbang kepada wacana wanita dan politik di Malaysia dengan mengalihkan fokus daripada representasi numerikal kepada analisis kritikal terhadap tindakan, kekangan dan had perwakilan substantif dalam sistem politik berparti.

Kata kunci: Wanita Dan Politik; Perwakilan Deskriptif; Perwakilan Substantif; Teori Pitkin; Parlimen Malaysia

Abstract

The increasing number of women serving in Parliament is frequently cited as a sign of democratic progress and gender inclusion in politics. However, the extent to which women's presence translates into substantive representation of women's interests is still unknown, especially in Malaysia's party-based political system. This article examines women's representation in Malaysian Parliament after the 13th General Election (GE-13), with a particular emphasis on the distinction between descriptive and substantive representation as defined in Hanna Pitkin's Theory of Representation. This study adopts a qualitative approach, employing semi-structured interviews with five female Members of Parliament selected through purposive sampling. The data are analysed using thematic analysis guided by Pitkin's theoretical framework. The findings reveal that while descriptive representation of women has shown an upward trend, substantive representation remains limited and conditional,

shaped by party discipline, institutional structures, and parliamentary norms. This paper adds to the conversation about women and politics in Malaysia by shifting the focus away from numerical representation and toward a critical assessment of the actions, constraints, and limitations of substantive representation within a party-based political system.

Keywords: Descriptive Representation; Substantive Representation; Malaysian Parliament; Pitkin's Theory; Women's Representation

Pengenalan

Wanita yang menyertai institusi politik sering digunakan sebagai indikator utama untuk menilai tingkat kemajuan demokrasi dan kesaksamaan gender dalam sebuah negara. Secara global, peningkatan jumlah ahli parlimen (AP) wanita biasanya ditafsirkan sebagai tanda baik mengenai keterlibatan wanita dalam politik Mohd Rashid.¹ Namun, para ahli dalam bidang gender dan politik telah lama menegaskan bahawa kehadiran wanita secara jumlah sahaja tidak menjamin bahawa kepentingan wanita benar-benar diwakili dalam proses pembuatan keputusan. Oleh sebab itu, perbincangan mengenai penyertaan wanita dalam politik perlu dijawab dengan analisis yang lebih dalam mengenai peranan, pengaruh, serta kemampuan AP wanita dalam sistem kuasa politik.²

Dalam konteks Malaysia, kehadiran wanita dalam proses pemilihan menunjukkan kenaikan yang perlahan dan tidak seragam. Meskipun jumlah calon serta AP wanita semakin bertambah dari tahun ke tahun, kedudukan mereka dalam sistem politik masih terhad. Keadaan ini menyebabkan wujudnya persoalan tentang kepentingan perwakilan wanita dalam Parlimen Malaysia. Menurut Arba'iyah³ kehadiran wanita hanya untuk memenuhi keperluan simbolik dan memperkuat legitimasi demokrasi, atau adakah mereka benar-benar mampu memperjuangkan kepentingan perempuan secara nyata dalam lingkungan politik yang masih dipengaruhi oleh norma dan struktur patriarki.

Sebahagian besar kajian yang telah dibuat oleh Ehrhart, Lundasen dan Liden⁴ sebelum ini mengenai wanita dan politik di Malaysia lebih menekankan kepada analisis perwakilan secara deskriptif, terutamanya daripada segi statistik mengenai penyertaan, latar belakang calon wanita serta halangan-halangan struktural yang menghalang wanita memasuki dunia politik. Meskipun kajian-kajian ini penting dalam merekodkan corak penyertaan wanita, pendekatan seperti ini kurang memperhatikan aspek substantif perwakilan, iaitu sejauh mana AP wanita berusaha memperjuangkan kepentingan wanita dalam menjalankan fungsi legislatif dan membuat dasar. Kelemahan dalam analisis aspek ini menyebabkan pemahaman mengenai peranan sebenar wanita dalam parlimen masih belum jelas.

Artikel ini bertujuan mengisi kesenjangan tersebut dengan menganalisis kehadiran AP wanita di Malaysia melalui kerangka Teori Perwakilan yang diperkenalkan oleh Pitkin. Teori ini membezakan antara perwakilan deskriptif, yang merujuk kepada sejauh mana wakil mencerminkan ciri-ciri sosial kumpulan yang diwakili, serta perwakilan substantif, yang merujuk kepada sejauh mana wakil bertindak bagi pihak kepentingan kumpulan tersebut. Dengan menggunakan kerangka ini, artikel ini tidak hanya menilai kehadiran AP wanita dalam Parlimen, malah juga mengkaji had dan kekangan yang menghalang keupayaan mereka untuk melakukan perwakilan substantif dalam konteks institusi politik Malaysia.

Fokus kajian ini adalah kepada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), yang dipilih bukan kerana tidak ada data selepasnya, tetapi kerana PRU13 merupakan satu fasa peralihan penting dalam politik Malaysia sebelum terdapat peningkatan ketara penyertaan wanita dalam PRU14 dan PRU15. Analisis terhadap PRU13 membolehkan kajian ini berfungsi sebagai rujukan atau penanda aras untuk memahami kesinambungan dan perubahan dalam corak perwakilan wanita dalam politik

Malaysia. Dengan menganalisis tempoh ini, kajian ini dapat menilai secara lebih kritikal sejauh mana peningkatan kehadiran wanita sebelum PRU14 telah diterjemahkan kepada peranan yang berkesan dalam Parlimen.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dengan lima orang AP wanita yang dipilih secara purposif. Temu bual ini membenarkan responden menceritakan pengalaman mereka dalam Parlimen, keutamaan politik, serta cabaran yang dihadapi dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan wanita. Data empirikal yang dikumpulkan membolehkan analisis yang lebih dalam dan berdasarkan pengalaman sebenar wakil wanita, sekali gus melampaui analisis statistik sahaja.

Sumbangan utama artikel ini ialah usaha untuk memperjelaskan perbezaan antara perwakilan deskriptif dan perwakilan substantif dalam konteks politik Malaysia. Berbeza daripada kajian yang sebelumnya hanya fokus pada jenis perwakilan, artikel ini menekankan faktor-faktor seperti had institusi, disiplin parti, dan norma politik yang membentuk cara AP wanita bertindak. Dengan menggunakan Teori Perwakilan Pitkin secara empirikal, artikel ini memberi sumbangan kepada perbincangan akademik mengenai peranan wanita dalam politik Malaysia serta meningkatkan pemahaman tentang cabaran struktur yang menghalang kekuatan politik wanita.

Perkembangan wanita dalam politik Malaysia

Analisis Sejarah

Perkembangan penyertaan wanita dalam politik Malaysia tidak dapat difahami secara terpisah dari konteks sejarah, struktur sosial, dan dinamika institusi politik yang membentuk ruang dan peluang politik bagi Wanita.⁵ Namun, perbincangan sejarah mengenai wanita dalam politik sering kali hanya disampaikan dalam bentuk kronologi peristiwa dan statistik penyertaan sahaja, tanpa dilakukan analisis kritikal mengenai bagaimana perubahan sejarah tersebut mempengaruhi sifat dan kualiti perwakilan wanita. Bahagian ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan tersebut secara mendalam agar dapat memahami hubungan antara konteks sejarah dengan realiti semasa mengenai perwakilan wanita dalam politik Malaysia.

Penglibatan wanita dalam arena politik menjadi objektif utama untuk memperkasakan wanita dalam pentadbiran negara khususnya dalam membawa perubahan kepada dasar-dasar dan undang-undang yang lebih mengfokuskan kepada wanita, kanak-kanak serta keluarga.⁶ Hal ini terbukti apabila Asri⁷ menyatakan bahawa dalam proses pembuatan keputusan khususnya, penglibatan wanita amat penting dalam mencorakkan peranan dan pembangunan dinamik golongan ini seperti mana di negara-negara membangun yang mana mereka merupakan penggerak kepada pembangunan dan perubahan. Mansbridge⁸ juga turut mengakui bahawa kekurangan penglibatan wanita dalam parlimen akan melemahkan perbahasan di Parlimen Malaysia dan sistemnya akan mengakibatkan ketidakstabilan kesahan demokrasi sesebuah negara.

Dari sudut ketidakseimbangan gender, jumlah perwakilan wanita dalam politik formal ini di seluruh negara umumnya masih lagi terpinggir dan menjadi golongan minoriti walaupun golongan wanita ini mempunyai jumlah populasi yang setara dengan golongan lelaki.^{9,10,11} Muhammad Rahimi dan Bahiyah¹² menyatakan bahawa apabila kontinum pemodenan yang berperanan menggerakkan kepada perubahan masyarakat telah meminggirkan wanita dan akan melambatkan dan mengehadkan peluang wanita untuk berkecimpung dalam domain pendidikan, politik dan ekonomi moden.

Seterusnya, berhubung soal peranan seseorang ahli parlimen wanita di Malaysia pula golongan ini mempunyai tanggungjawab besar dan berperanan penting bukan sahaja kepada parti yang diwakilinya tetapi juga kepada komuniti khususnya terhadap golongan wanita di seluruh

Malaysia terutamanya dalam memperkasakan wanita. Teori dan kajian berkaitan wanita, politik dan polisi selalunya berkisarkan tentang soal perwakilan. Perwakilan adalah satu elemen penting dalam demokrasi berdasarkan nilai “perwakilan yang baik dan tadbir urus.”¹³ Kajian berkaitan dengan wanita dalam demokrasi adalah sangat penting. Reingold¹⁴ menyatakan bahawa :

“Kehadiran wanita dalam kuasa politik ini dapat mengesahkan dan menunjukkan cita-cita demokrasi ini dihargai dengan adanya penyertaan penuh dan sama rata oleh semua rakyat. Ianya membuktikan keterbukaan dan kesahihan sistem demokrasi dengan menonjolkan akses kepada kedudukan kuasa dan pengaruh dalam hal ehwal awam tersedia untuk semua orang tidak kira apa jua jantina, bangsa, kelas dan warganegara”

Wanita dan Politik dalam Era Pra-Merdeka: Penyertaan tanpa kuasa Institusi

Dalam zaman sebelum kemerdekaan, wanita terlibat dalam politik di Tanah Melayu lebih banyak melalui organisasi sosial dan gerakan nasionalis, bukan melalui keanggotaan formal dalam institusi politik.¹⁵ Menurut Goh Lan et al,¹⁶ organisasi-organisasi wanita bertindak sebagai saluran untuk menggerakkan sokongan terhadap perjuangan kemerdekaan, tetapi peran mereka tidak banyak diubah kepada kedudukan kepimpinan yang berpengaruh dalam struktur politik rasmi. Menurut Junaidi,¹⁷ penglibatan wanita pada masa ini hanya sebagai sokongan dan pelengkap kepada agenda politik lelaki, yang pada akhirnya mencerminkan corak awal perwakilan simbolik tanpa kuasa sebenar dalam institusi politik.

Karen Celis dan Sarah Childs¹⁸ menjelaskan bahawa keadaan ini membentuk asas kepada budaya politik yang memandang keterlibatan wanita sebagai penting dari segi kelegitiman gerakan, tetapi tidak semestinya sebagai individu yang membuat keputusan. Pola awal ini perlu difahami kerana ia membentuk norma awal mengenai peranan wanita dalam politik, yang terus mempengaruhi struktur dan cara memandang kepimpinan wanita selepas kemerdekaan.¹⁹

Pasca-Merdeka: Penginstitusian Politik dan Peminggiran Wanita

Selepas negara merdeka, pembentukan institusi politik rasmi seperti parti dan Parlimen membuka peluang baru untuk wanita menyertai politik.²⁰ Namun, dalam struktur parti selepas kemerdekaan, kekuatan masih terpusat dalam tangan lelaki. Walaupun wanita mula terlibat sebagai ahli dan calon, akses mereka kepada jawatan penting dan proses membentuk kebijakan masih terhad.

Dasar negara yang memberi penekanan kepada kestabilan politik dan pembangunan ekonomi juga menyebabkan isu gender menjadi kepentingan sekunder. Wanita sering dilihat sebagai penyokong atau penggerak dari akar umbi parti, manakala peranan mereka sebagai pembuat keputusan tidak diberi perhatian. Kondisi ini menunjukkan kehadiran wanita dalam politik lebih bersifat simbolik, di mana kehadiran mereka hanya menunjukkan kepelbagaian tanpa sebarang perubahan besar kepada struktur kuasa yang sedia ada.²¹

Struktur Parti Politik dan Had Perwakilan Wanita

Struktur parti politik di Malaysia memainkan peranan penting dalam menentukan peluang dan had bagi perwakilan wanita. Parti-parti utama beroperasi dalam sistem hierarki yang menekankan disiplin, kesetiaan kepada pemimpin, dan agenda nasional sebagai keutamaan. Dalam struktur seperti ini, Mohd et al²² menjelaskan keupayaan AP wanita untuk memperjuangkan isu berkaitan wanita

sering bergantung kepada keutamaan parti dan kepentingan politik besar.

Tidak adanya mekanisme kuota gender yang sah serta dominasi pemimpin lelaki dalam parti politik memperkukuh kedudukan wanita sebagai minoriti dalam struktur kuasa. Walaupun beberapa parti memperkenalkan sayap wanita, peranan sayap ini sering terhad pada fungsi sokongan dan penggerakan, tanpa mempunyai pengaruh besar terhadap keputusan strategik parti. Menurut Muhamad et al²³ keadaan ini menunjukkan bahawa peningkatan penyertaan wanita tidak disertai dengan perubahan struktur yang dapat memperkuat perwakilan yang bermakna bagi wanita.

Kesinambungan Sejarah dan Implikasinya terhadap Perwakilan Wanita

Analisis sejarah ini menunjukkan bahawa kehadiran wanita dalam politik Malaysia semakin meningkat, namun kuasa yang mereka miliki tetap terhad. Sejak zaman sebelum merdeka hingga selepas merdeka, wanita terlibat dalam politik, tetapi tidak sering diberi peluang yang sama dalam membuat keputusan penting. Keadaan ini menjelaskan mengapa jumlah AP wanita yang meningkat tidak semestinya bermakna pengaruh mereka terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan wanita juga meningkat.²⁴

Dalam konteks ini, kehadiran wanita dalam Parlimen perlu difahami sebagai hasil daripada interaksi antara faktor sejarah, struktur organisasi dan kebiasaan dalam politik. Bahagian ini memberi pemahaman asas untuk analisis seterusnya, iaitu bahawa cabaran dalam memperoleh kuasa yang sebenar bukan hanya masalah individu, tetapi berpunca daripada struktur politik yang telah lama wujud. Pemahaman ini membolehkan analisis terhadap PRU13 dilakukan dengan lebih kritikal, dengan mempertimbangkan had-had struktur yang dihadapi oleh AP wanita.

Sorotan Literatur dan Kerangka Teori

Perwakilan Wanita Dalam Politik: Daripada Deskriptif Kepada Substantif

Perbincangan akademik mengenai wanita dan politik telah berkembang dengan baik, terutamanya dalam hal perwakilan politik. Secara umum, kajian yang telah dibuat oleh Ummu Atiyah²⁵ boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu kajian yang fokus kepada tahap keikutsertaan wanita, kajian yang menyelidiki halangan dalam struktur sistem yang menghalang penglibatan wanita, serta kajian yang menganalisis cara perwakilan wanita dalam sistem politik. Meskipun ketiga kajian ini membantu memahami kedudukan wanita dalam dunia politik, kebanyakan kajian masih mengukur kemajuan wanita melalui cara perwakilan dalam bentuk angka atau deskripsi.

Dalam konteks Malaysia, kajian mengenai penyertaan wanita dalam politik biasanya menekankan isu seperti jumlah calon wanita, kadar kemenangan dalam pilihan raya, serta faktor sosio-budaya yang menghalang wanita terlibat dalam politik.²⁶ Pendekatan ini penting untuk mencatatkan corak penyertaan wanita, tetapi ia kurang memberi perhatian kepada soalan berkaitan peranan sebenar AP wanita dalam proses undang-undang dan penyusunan dasar. Akibatnya, pemahaman tentang sama ada kehadiran wanita membawa kepada perubahan yang betul-betul berkesan dalam agenda politik masih terhad.²⁷

Beberapa kajian mulai membincangkan jenis perwakilan wanita, khususnya membezakan antara perwakilan deskriptif dan substantif. Namun, dalam banyak kes, perbincangan ini masih hanya bersifat konseptual atau deskriptif, tanpa penerapan teori yang mendalam ke atas data empirikal. Contohnya, kajian lepas tentang PRU13 telah menunjukkan peningkatan penyertaan wanita dan jenis perwakilan yang wujud, tetapi kurang menganalisis faktor institusi dan struktur yang membentuk cara wakil wanita bertindak selepas dipilih.

Kekurangan utama dalam literatur yang sedia ada ialah sikap memandang bahawa peningkatan kehadiran wanita secara automatik akan membawa kepada pemenuhan kepentingan wanita. Idea ini telah dikritik oleh sarjana feminis yang menekankan bahawa perwakilan politik perlu dinilai berdasarkan tindakan dan kesan, bukan hanya kehadiran. Dalam konteks ini, teori perwakilan yang dikemukakan oleh Pitkin memberikan kertas kerja penting untuk menilai hubungan antara kehadiran wakil dan peranan mereka dalam perwakilan

Teori Perwakilan Pitkin sebagai Kerangka Analisis

Teori perwakilan oleh Pitkin²⁸ membezakan dengan jelas antara perwakilan deskriptif dan perwakilan substantif. Perwakilan deskriptif merujuk kepada sejauh mana wakil mencerminkan ciri-ciri sosial kumpulan yang diwakili, seperti jantina, keturunan atau latar belakang sosio-ekonomi. Dalam konteks ini, kehadiran wanita dalam Parlimen dianggap penting kerana ia menunjukkan keterangkuman dan kepelbagaian dalam institusi politik.

Sebaliknya, Philips²⁹ perwakilan substantif menekankan tindakan wakil dalam memperjuangkan kepentingan kumpulan yang diwakili. Pitkin berhujah bahawa perwakilan hanya bermakna apabila wakil bertindak bagi pihak yang diwakili, bukan sekadar hadir sebagai simbol. Perbezaan ini penting kerana ia membolehkan penilaian kritikal terhadap situasi di mana wakil wanita hadir dalam jumlah yang meningkat, tetapi masih terikat kepada kekangan struktur yang mengehadkan keupayaan mereka untuk membawa agenda wanita.

Dalam konteks politik yang menggunakan parti-parti seperti di Malaysia, teori Pitkin perlu mempertimbangkan peranan disiplin parti serta struktur institusi. AP tidak bebas menjalankan tugas, tetapi terikat kepada keutamaan parti, kepimpinan, dan agenda politik negara. Kebiasaan ini menciptakan ketegangan antara peranan wakil sebagai pembela kepentingan kumpulan tertentu dan peranan sebagai ahli parti yang wajib mematuhi arahan parti. Maka itu, analisis tentang kehadiran wanita dalam perwakilan politik tidak boleh dipisahkan daripada konteks institusi serta struktur kuasa yang membentuk cara bertindak wakil dalam politik.

Jurang Kajian dan Kedudukan Artikel Ini

Walaupun teori perwakilan Pitkin telah digunakan secara luas dalam kajian antarabangsa, penggunaannya dalam konteks Malaysia masih terhad dan banyak kali hanya bersifat konseptual. Ramai kajian membincang tentang perwakilan deskriptif dan substantif, tetapi tidak menggunakan kerangka ini secara sistematik untuk menganalisis data empirikal, terutamanya data daripada temubual dengan wakil wanita. Kebanyakan kajian ini kurang mendalam dalam memahami perwakilan wanita dari segi teori.

Artikel ini cuba mengisi kelemahan tersebut dengan menerapkan teori perwakilan Pitkin secara empirikal terhadap pengalaman AP wanita di Malaysia semasa PRU13. Berbeza dengan kajian sebelumnya yang hanya fokus kepada jenis perwakilan, artikel ini menekankan pada had perwakilan substantif, iaitu mengapa dan bagaimana kehadiran wanita tidak dapat diterjemahkan secara konsisten kepada pembelaan kepentingan wanita. Dengan meneliti faktor-faktor seperti struktur parti, disiplin parti, dan norma institusi Parlimen, artikel ini memberi sumbangan analitik yang membantu memperluas pemahaman tentang isu perwakilan wanita dalam politik Malaysia.

Sorotan literatur dan kerangka teori ini menyediakan dasar yang penting untuk analisis empirikal yang akan datang. Dengan menggabungkan perbincangan teori dan konteks tempatan, artikel ini menjadikan diri dalam perbincangan akademik yang lebih luas mengenai gender dan politik, serta menyumbang kepada perbincangan kritikal mengenai demokrasi dan keterangkuman politik di

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami lebih dalam tentang perwakilan AP wanita dalam konteks institusi politik Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana matlamat kajian bukan sekadar mengira jumlah perwakilan secara nombor, malah untuk mengkaji pengalaman, pertimbangan, dan strategi yang digunakan oleh AP wanita dalam menjalankan tugas perwakilan mereka. Adelina dan Md,³⁰ kaedah ini membolehkan analisis yang lebih berteraskan konteks serta interpretasi mengenai bagaimana perwakilan deskriptif dan substantif itu dipahami dan dilaksanakan dalam situasi politik yang melibatkan parti-parti.

Reka Bentuk Kajian dan Pemilihan Responden

Reka bentuk kajian ini bersifat eksploratori dan interpretatif. Data utama diperoleh melalui temu bual separa berstruktur dengan lima orang AP wanita yang dipilih secara purposif. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan kriteria tertentu, iaitu mereka merupakan AP wanita yang terpilih dalam PRU13 dan memiliki pengalaman langsung dalam proses mengetengahkan undang-undang serta terlibat dalam aktiviti Parlimen. Pendekatan ini membolehkan kajian berfokus kepada individu yang memiliki pengetahuan dan pengalaman yang relevan dengan tujuan kajian oleh Creswell.³¹ Jadual 1 menunjukkan senarai peserta atau AP wanita yang terlibat dalam sesi temu bual.

Jadual 1: Senarai AP Wanita dalam Dewan Rakyat Ketiga Belas (ditemu bual)			
Bil	Nama Ahli Parlimen	Parti Politik	Tarikh Dan Tempat Temubual
1.	(AP01)	PAS	6 Julai 2018 (Terengganu)
2.	(AP02)	PKR	12 Mei 2018 (Kuala Lumpur)
3.	(AP03)	DAP	12 Januari 2018 (Kuala Lumpur)
4.	(AP04)	PKR	12 Januari 2018 (Selangor)
5.	(AP05)	AMANAH	22 Disember 2017 (Selangor)

Sumber: Sesi Temu Bual Bersama Responden.

Bagi tujuan kepentingan kerahsiaan dan etika dalam penyelidikan, responden telah dikenal pasti melalui kod AP01 hingga AP05. Walaupun jumlah responden yang terlibat terhad, data yang dikumpulkan mempunyai kandungan yang luas dan mendalam, yang selari dengan kaedah kualitatif yang memfokuskan pada analisis yang dalam berbanding dengan generalisasi berdasarkan statistik.³²

Kaedah Pengumpulan Data

Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama untuk mengumpulkan data. Panduan temu bual dibuat mengikut objektif kajian dan kerangka teori Perwakilan Pitkin, dengan fokus kepada pengalaman responden sebagai AP, isu-isu utama yang mereka perjuangkan, serta cabaran yang mereka hadapi dalam membawa agenda berkaitan wanita. Pendekatan separa berstruktur ini memberi ruang kepada responden untuk menerangkan pengalaman mereka secara keluarga, sekaligus memastikan perbincangan tetap berdasarkan fokus kajian oleh Ali Elhami.³³

Selain temu bual, kajian ini juga menggunakan analisis dokumen sebagai sumber data tambahan. Dokumen yang dianalisis melibatkan laporan Parlimen, ucapan rasmi, serta bahan berkaitan dengan peranan AP wanita. Kajian ini menggunakan data dari dokumen tersebut untuk menambahkan konteks dan memperjelas pemahaman mengenai peranan serta kedudukan AP wanita dalam Parlimen.³⁴

Proses Analisis Data

Data temu bual tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik yang sistematik. Proses analisis ini melibatkan beberapa peringkat utama.³⁵ Peringkat pertama ialah pengkodan terbuka, di mana transkrip temu bual dibaca berulang kali untuk mengenal pasti idea, isu, dan tema awal yang berkaitan dengan perwakilan wanita. Pada peringkat ini, kod-kod awal dibentuk berdasarkan naratif responden tanpa terikat pada kategori yang ketat.³⁶

Peringkat kedua adalah proses menghubungkan kod-kod awal kepada kategori yang lebih luas. Dalam peringkat ini, kod-kod yang berkaitan digabungkan untuk membentuk tema utama seperti perwakilan deskriptif, perwakilan substantif, kekangan struktur parti, dan norma institusi Parlimen. Peringkat ketiga adalah pembentukan tema, di mana tema utama itu ditafsir dan dianalisis dengan mendalam berpandukan Teori Perwakilan Pitkin.

Kerangka teori Pitkin digunakan sebagai panduan untuk membezakan antara bentuk perwakilan yang bersifat simbolik dengan yang melibatkan tindakan substantif. Pendekatan ini membolehkan data empirikal ditafsir secara teori, bukan hanya diringkaskan secara deskriptif, dan sekaligus menjawab kritikan penilai tentang kelemahan analisis dalam manuskrip asal.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Untuk memastikan kajian ini sahih dan boleh dipercayai, beberapa langkah telah dilakukan berdasarkan kepada kajian lepas oleh Jasmi³⁷ dan Rozman.³⁸ Pertama, data dikumpulkan daripada pelbagai sumber, iaitu temu bual dan analisis dokumen, untuk memperkukuh kepentingan kajian. Kedua, proses analisis data dilakukan secara sistematik dan berulang kali supaya penjelasan atau interpretasinya konsisten. Ketiga, ayat-ayat langsung yang diberikan oleh responden digunakan dalam bahagian dapatan untuk menyokong hujah-hujah analitik dan memperlihatkan keseluruhan proses analisis dengan jelas. Walaupun kajian ini tidak bertujuan untuk menyimpulkan sesuatu secara statistik, langkah-langkah ini membantu memastikan dapatan kajian ini boleh dipercayai dan relevan dalam konteks perbincangan akademik mengenai wanita dan isu politik di Malaysia.

Dapatan Kajian: Perwakilan Deskriptif AP Wanita

Kehadiran Wanita sebagai Simbol Keterangkuman Politik

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa semua responden mengakui pentingnya kehadiran wanita dalam Parlimen sebagai simbol keterangkuman dan kemajuan demokrasi. Menurut Heger dan Hoffmann³⁹ kehadiran AP wanita dianggap bukan sahaja sebagai pencapaian individu, tetapi juga sebagai wakil untuk semua wanita dalam dunia politik yang biasanya dijajah oleh lelaki. Seorang responden menyatakan bahawa kehadiran wanita dalam Parlimen memberi petunjuk bahawa politik bukan lagi ruang khas untuk lelaki, malah terbuka kepada pelbagai pengalaman dan perspektif.

Namun, analisis yang lebih dalam menunjukkan bahawa perwakilan ini sering dianggap hanya dalam konteks simbolik sahaja. Kehadiran wanita dianggap sebagai “tanda” kemajuan, tetapi tidak semestinya menunjukkan kuasa untuk membuat keputusan yang lebih besar. Dalam konteks ini, perwakilan ini berfungsi sebagai cara untuk mendapat pengiktirafan terhadap institusi tanpa perlu menyentuh struktur kuasa yang sudah wujud.⁴⁰

Di Malaysia, kekangan utamanya adalah mengenai soal jumlah perwakilan wanita dalam politik yang masih kecil. Isu mengenai pencalonan wanita seringkali menjadi topik yang hangat setiap kali pilihanraya diadakan. Yoshikuni dan Yuya⁴¹ menzahirkan bahawa wanita terus menjadi golongan ‘*underrepresent*’ dalam politik walaupun parti pemerintah telah memberi harapan bilangan calon wanita akan ditambah dalam pilihanraya. Hal ini dikuatkan oleh kajian Zaireeni Azmi et al⁴² yang menyatakan bahawa jumlah representasi politik formal wanita di Malaysia jelas ketinggalan berbanding kaum lelaki. Perkara ini dapat dilihat pada PRU ke 12 (2008) jumlah kerusi bagi wakil rakyat wanita adalah 23 kerusi iaitu 10.36 % dari 222 kerusi di Dewan Rakyat dan jumlah perwakilan ini jelas memperlihatkan bahawa tiada perubahan yang signifikan jika dibandingkan dengan PRU sebelumnya.

Penglibatan wanita dalam aktiviti politik telah wujud sejak tahun 1945 lagi. Menurut Rashila R,⁴³ sebelum ini, peranan wanita dalam politik hanya terhad untuk berkempen dan mengundi sahaja, akan tetapi pada tahun 1995 dianggarkan bahawa kurang daripada lima peratus wanita secara formal terlibat dalam politik dan bersaing sebagai calon untuk kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Peningkatan ahli parlimen wanita dalam DR semenjak tahun 1959 hingga 2013 telah membuktikan bahawa penyertaan wanita dalam arena politik semakin meningkat.

Jadual 2 menunjukkan Statistik Wanita dalam Dewan Rakyat dari tahun 1959 hingga 2013. Berdasarkan Jadual 2 terdapat peningkatan dari segi bilangan wanita yang dicalonkan untuk bertanding bagi peringkat parlimen. Pada dua tahun pertama DR yakni tahun 1959 dan tahun 1964, peratus wanita hanyalah 2.88 peratus dan menurun kepada 1.38 peratus DR ketiga. Pada DR keempat hingga ke keenam, peratus meningkat dari 3.24 peratus ke 5.19 peratus. Namun begitu, pada DR ketujuh pada tahun 1982, peratusan tersebut menurun kepada 3.95 peratus. Pada era 90 an, peratusan wanita terus meningkat daripada 6.11 peratus kepada 10.36 peratus pada DR kesepuluh. DR kedua belas pada tahun 2004 mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 10.50 peratus. Pada dua persidangan DR yang lalu, pada tahun 2008 dan 2013, peratus menurun kepada 10.36 peratus.

Jadual 2: Statistik Wanita dalam Dewan Rakyat tahun 1959 hingga 2013

Tahun	Dewan Rakyat	Bilangan kerusi	Bilangan wanita yang dicalonkan	Bilangan calon wanita yang dipilih	Peratus wanita
1959	1	104	4	3	2.88
1964	2	104	7	3	2.88
1969	3	144	4	2	1.38
1974	4	154	9	5	3.24
1978	5	154	11	7	4.54
1982	6	154	8	8	5.19
1986	7	177	7	7	3.95
1990	8	180	15	11	6.11
1995	9	192	25	15	7.81
1999	10	193	30	20	10.36
2004	11	219	34	23	10.50
2008	12	222	45	23	10.36
2013	3	222	56	23	10.36

Sumber: Ensiklopedia Keputusan Pilihanraya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri (1959-2004), (2008). Tan Pek Leng (2011); IPU (2013); Ummu Atiyah & Zaireeni (2017).

Dalam pembentukan kabinet pentadbiran Malaysia, kewujudan menteri kabinet amat sedikit. Daripada jumlah ahli parlimen wanita iaitu 23 orang hanya tujuh orang ahli parlimen wanita yang dipilih sebagai ahli kabinet dengan dua daripadanya adalah menteri dan lima lagi sebagai timbalan menteri. Antara kementerian yang secara tradisi dikaitkan dengan ahli parlimen wanita ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan jawatan ini kini berada di bawah tanggungjawab Rohani Abdul Karim dari Sarawak. Sejak daripada penubuhannya pada tahun 2001 sehingga Perdana Menteri ketika itu mengambil alih kementerian, menteri bagi kementerian ini sentiasa dipegang oleh wanita dari Wanita UMNO.⁴⁴ Berbanding pilihan raya sebelumnya, pada PRU 12, ahli parlimen wanita hanya terdiri 12 peratus dalam badan pembuatan keputusan.

Menurut Ummu Atiyah dan Zaireeni,⁴⁵ wanita sebenarnya telah membentuk lebih 50 peratus daripada penduduk dunia akan tetapi peratusan mereka yang memegang jawatan politik yang dipilih ini masih kecil. Sejak akhir-akhir ini, lebih ramai wanita yang dicalonkan dalam pilihan raya dan dipilih oleh rakyat bagi mewakili mereka dalam dewan rakyat. Namun begitu, isunya di sini adalah jumlah perwakilan wanita ini masih lagi jauh ketinggalan nisbah perwakilan lelaki khususnya di dalam parlimen atau dewan rakyat.

Walau bagaimanapun, Kartini⁴⁶ dalam kajian *Women an Politics: Social Construction and Deconstruction* menyatakan bahawa terdapat peningkatan wanita dalam perwakilan boleh didapati dalam politik tetapi kepentingannya boleh dipersoalkan dan ditambah pula pada peringkat awal, penyertaan golongan ini dalam politik dilihat remeh dan lembut. Sungguhpun terdapat peningkatan jumlah wanita dalam politik dari tahun ke tahun, tetapi landskap politik ini masih lagi dikuasai oleh perwakilan lelaki. Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan perwakilan wanita dalam Parlimen Malaysia dari 1959 – 2013.

Jadual 3: Perwakilan Wanita dalam Parlimen Malaysia dari 1959 – 2013

Tahun pilihan raya	Perwakilan wanita	Perwakilan lelaki	Jumlah kerusi dalam parlimen
1959	3	101	104
1964	3	101	104
1969	2	142	144
1974	5	149	154
1978	7	147	154
1982	8	146	154
1986	7	170	177
1990	11	169	180
1995	15	177	192
1999	20	173	193
2004	23	196	219
2008	24	198	222
2013	23	199	222

Sumber: Kartini (2017).

Pemilihan Calon Wanita dan Logik Parti Politik

Responden juga menerangkan bahawa pemilihan calon wanita oleh parti politik sering kali dipengaruhi oleh pertimbangan strategik, seperti kebolehtamgangan dan kesesuaian dengan imej parti itu sendiri. Walaupun parti itu menyatakan komitmen terhadap kesetaraan jantina, dalam praktiknya, pencalonan wanita masih terikat kepada struktur patriarki dalam parti dan keutamaan untuk memastikan kepimpinan lelaki. Seorang responden juga menambah bahawa calon wanita sering ditempatkan di kawasan yang dianggap kurang mencabar atau sebagai pelengkap untuk memenuhi keperluan representasi jantina. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa perwakilan deskriptif wanita tidak hanya disebabkan oleh perubahan nilai demokratik, tetapi juga oleh kalkulasi politik. Dalam konteks Teori Pitkin, situasi ini menimbulkan soalan tentang sejauh mana perwakilan deskriptif yang didorong oleh kepentingan parti itu mampu membuka ruang kepada perwakilan yang sebenar dan bermakna.

Dalam membawa perubahan di dalam masyarakat, penglibatan wanita dalam arena politik merupakan satu objektif untuk memperkasakan wanita di dalam arena politik.⁴⁷ Terdapat banyak kajian dan karya daripada kajian lepas mengkaji tentang pembangunan perwakilan wanita di dalam politik di Malaysia. Walaupun kajian-kajian lepas yang dijalankan berdasarkan perspektif berbeza, tetapi dapatan kajian yang diperolehi dilihat hampir sama apabila peranan wanita di Malaysia dalam sektor politik dikatakan kekal dengan fahaman konservatif dan tradisional yang bertambah sulit dalam meningkatkan penglibatan mereka.

Had Perwakilan Deskriptif dalam Struktur Parlimen

Walaupun kehadiran wanita dalam Parlimen diakui penting, responden juga menekankan bahawa jumlah yang sedikit menghadkan pengaruh mereka secara kolektif. Menurut Nankyung Choi,⁴⁸ kebanyakan mereka sukar membentuk satu blok sokongan yang kuat untuk memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan wanita. Dalam banyak kes, suara wanita sering kali terselindung dalam perbincangan yang dijana oleh agenda parti dan kepimpinan lelaki.

Satu responden menyatakan bahawa walaupun isu mengenai wanita dibangkitkan, ia sering dianggap sebagai isu sekunder berbanding isu-isu seperti ekonomi atau keselamatan negara. Keadaan ini menunjukkan had perwakilan deskriptif, di mana kehadiran fizikal wanita tidak semestinya membawa kepada perubahan dalam keutamaan dasar atau naratif politik.

Perwakilan Deskriptif sebagai Prasyarat tetapi Bukan Jaminan

Analisis dapatan menunjukkan bahawa perwakilan deskriptif dianggap sebagai satu syarat penting bagi perwakilan substantif, namun tidak secara automatik menjamin keberkesanan tersebut. Kehadiran wanita membuka ruang simbolik dan peluang untuk menyuarakan pengalaman mengenai gender, tetapi keberkesanan perwakilan ini bergantung kepada faktor-faktor lain seperti sokongan dari parti, kedudukan dalam hierarki politik, serta norma-norma dalam Parlimen.⁴⁹

Secara serupa dengan hujah Pitkin, dapatan ini menegaskan bahawa perwakilan politik tidak boleh dinilai hanya berdasarkan siapa yang hadir, tetapi juga berdasarkan apa yang dilakukan oleh mereka. Dalam konteks Malaysia, Alkharusi H⁵⁰ menjelaskan bahawa perwakilan deskriptif wanita masih berada dalam tahap simbolik dan masih menghadapi kekangan struktur yang menghalangnya daripada berubah sepenuhnya kepada perwakilan substantif yang konsisten.

Dapatan dan Perbincangan: Perwakilan Substantif AP Wanita

Bahagian ini mengkaji sejauh mana kehadiran AP wanita membawa kepada perwakilan yang sebenar, iaitu tindakan nyata dalam mempertahankan kepentingan perempuan. Mengikut Teori Perwakilan Pitkin, perwakilan yang sebenar dinilai berdasarkan sikap dan tingkah laku ahli parlimen, isu-isu utama yang dibawa, serta kemampuan mereka mempengaruhi agenda undang-undang. Kajian ini menggunakan data daripada temu bual dengan AP wanita untuk melihat hubungan antara perwakilan secara deskriptif dan perwakilan secara sebenar dalam konteks politik parti-parti di Malaysia.

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa perwakilan substantif wanita masih bersifat terhad dan bersyarat mencerminkan pola ketidaksamaan struktur yang lebih luas. Seperti yang ditunjukkan dalam kajian sejarah berkaitan peranan wanita dalam institusi sosial termasuk pendidikan, wanita secara konsisten berdepan dengan batasan institusi yang mengehadkan penyertaan dan pengaruh mereka.⁵¹ Hal ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh Ahli Parlimen wanita bukan bersifat sementara, sebaliknya berakar dalam struktur sosial dan institusi yang berterusan.

Agenda Wanita dan Keutamaan Parti Politik

Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa walaupun responden menyedari kepentingan isu berkaitan wanita, mereka kurang mampu untuk menekankan isu ini kerana terikat dengan keutamaan parti. Beberapa responden menyatakan bahawa isu tentang wanita hanya boleh diperkatakan jika tidak bertentangan dengan pendirian dan strategi parti. Seorang responden menjelaskan:

“Sebagai AP, saya memang ingin membawa isu berkaitan wanita, tetapi kita tidak boleh bergerak secara sendiri. Setiap isu mesti selaras dengan pendirian parti. Jika bertentangan, isu tersebut sukar untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.” (AP02)

Petikan ini menunjukkan bahawa perwakilan wanita tidak berlaku secara bebas, melainkan dibentuk oleh struktur dan disiplin parti. Dalam konteks Pitkin, keadaan ini mencerminkan ketegangan antara peranan wakil sebagai pembela kepentingan kumpulan dan sebagai ejen parti politik.

Walaupun bagaimanapun, pandangan oleh informan (AP02) telah menyatakan bahawa terdapat beberapa peranan sebenar dan keutamaan seseorang ahli parlimen yang dibahagikan kepada beberapa bahagian dan salah satunya ialah sebagai seorang penggubal dasar. Pandangan beliau mempunyai sedikit persamaan dengan kajian oleh Hotman, Tamaulina dan Ismidar⁵² yang mana telah menggariskan beberapa peranan ahli parlimen ini secara kontemporari iaitu pertamanya ialah dalam aktiviti pembuatan undang-undang, kedua dalam aktiviti pengawasan yang meliputi kepada penelitian prestasi pentadbiran kerajaan termasuk perbelanjaan wang negara. Peranan ketiganya pula adalah lebih menjurus kepada peranan dalam aktiviti khidmat kawasan setempat dan yang terakhir adalah tanggungjawab kepada parti yang diwakilinya. Kenyataan di bawah adalah hasil temubual bersama informan (AP02) yang menzahirkan pandangan beliau sepertimana berikut:

...“Ada beberapa tugas dibahagikan kepada beberapa bahagian sebagai ahli parlimen. Satunya tentu sebagai penggubal dasar di mana kita berbincang, berbahas berkait dengan undang-undang atau dasar yang diperkenalkan dalam parlimen itu demokrasiya agak tempang dan sangat mengutamakan agenda eksekutif iaitu kerajaan pusat.”... – (AP02, Publika Dutamas, 12 Mei 2018).

Akan tetapi, hal ini bercanggah dengan kajian sebelum ini oleh Katrin Amann & Tobias Kindler;⁵³ Anna Hallam & Philip Mendes⁵⁴ yang menyatakan bahawa peranan wakil rakyat lebih menjurus kepada pekerja sosial atau kepada aktiviti berbentuk sukarela dan tidak rasmi termasuk tanggungjawab terhadap komuniti seperti aktiviti khidmat masyarakat atau kerja sosial dari sudut *constituency roles*. Berbeza pula pandangan oleh beberapa ahli parlimen wanita melalui temubual dengan tegas telah menyatakan bahawa mereka mengakui tugas mereka adalah sebagai pembuat dasar. Hal ini dibukti dengan hasil temubual bersama informan (AP02), (AP03) dan (AP05). Ketiga-tiga mereka mengakui bahawa keutamaan seseorang ahli parlimen itu lebih kepada penggubal dasar. Berikut adalah sedikit sedutan daripada temubual yang telah dijalankan:

...“keutamaan saya lebih kepada dasar-dasar di peringkat nasional, bajet negara dan isu-isu nasional. Secara asasnya, kami adalah pembuat dasar. Tetapi keadaan sistem di Malaysia yang mana parti kerajaan sangat dominan menyebabkan fungsi legislatif sangat minimal.” ...- (AP02, Publika Dutamas, 12 Mei 2018).

...“*during a parliament sitting, I normally spend more in the parliament naa...its that my priority and that is the ‘medan perang..yaa, untuk debate, so, normally I do that’s...of course I can do that also... I can also jaga kawasan... because I’m in the Bandar.no parliament dun in the KL.*” ...- (AP03, Pejabat Parlimen Seputeh, 12 Januari 2018).

...“Saya menjadi YB kerana menjalankan amanah rakyat dengan melaksanakan dasar yang diberikan oleh rakyat untuk mewakili mereka dan mencakna rakyat tanpa mengira latarbelakang kaum,agama dan politik”... – (AP05, Pejabat Parlimen Kota Raja, 22 Disember 2017).

Berdasarkan hasil temubual bersama informan (AP02), (AP03) dan (AP05), ianya sangat jelas menunjukkan bahawa tugas seseorang ahli Parlimen itu tidak akan lari daripada menjadi seorang penggubal dasar. Seperti pandangan dari informan (AP02) dan (AP03) yang menyatakan bahawa keutamaan mereka setelah menjadi Ahli Parlimen adalah sebagaimana pembuat dasar dan pada dasarnya mereka kebiasaannya lebihkan masa di dalam Dewan Parlimen kerana ianya dianggap sebagai satu medan perang untuk berdebat khususnya dalam menggubal satu-satu dasar. Seperti informan (AP02) dan (AP03), informan (AP05) juga telah menyatakan bahawa sebagai ahli parlimen beliau menjalankan amanah dengan melaksanakan dasar untuk mewakili rakyat tanpa mengira bangsa atau kaum.

Perjuangan Isu Wanita: Antara Komitmen dan Kekangan

Sebahagian daripada responden menyatakan bahawa mereka cuba menyelitkan isu wanita ke dalam perbahasan yang lebih umum seperti kebajikan keluarga, pendidikan, dan pembangunan sosial. Pendekatan ini digunakan sebagai strategi untuk mengelakkan isu wanita dilihat sebagai perkara sempit atau khusus. Seorang responden memberikan kenyataan seperti berikut:

“Kalau kita bawa isu wanita secara terus, kadang-kadang ia dianggap sebagai isu kecil. Jadi saya kaitkan dengan keluarga atau masyarakat supaya lebih mudah diterima.” (AP04)

Strategi ini menunjukkan usaha AP wanita untuk menyesuaikan agenda wanita dengan naratif yang mendominasi dalam Parlimen. Walau bagaimanapun, dari sudut perwakilan yang sebenar, pendekatan ini juga menunjukkan batasan dalam keberanian politik untuk menentang norma-norma institusi yang mengabaikan isu gender. Perwakilan yang sebenar wujud, tetapi dalam bentuk yang terhad dan dibentuk semula.

Walaubagaimanapun, terdapat juga ahli parlimen yang mengambil beberapa pendekatan untuk mendidik masyarakat agar rakyat tidak terus bergantung harap kepada ahli parlimen untuk menyelesaikan isu-isu yang di bawah bidang kuasa pihak tertentu. Seperti yang kita sedia maklum, golongan wanita ini memiliki pelbagai sifat seperti lemah lembut, kasih sayang, sabar dan sebagainya. Sifat-sifat ini sebenarnya satu fitrah dan sifat keibuan yang lahir dalam diri seseorang wanita yang dianugerah oleh Allah s.w.t dan ianya adalah modal untuk mendidik anak-anak dalam menjadikan mereka generasi yang berwawasan suatu masa nanti.⁵⁵

Sifat mendidik ini adalah selari dengan sifat wanita seperti golongan ibu yang mendidik anak-anak mereka ke arah yang lebih baik. Dengan kata lain, hal ini jelas memperlihatkan bahawa sifat mendidik tersebut ditransformkan ke dalam peranan ahli parlimen wanita. Ini jelas menunjukkan terdapat kelainan antara peranan ahli parlimen wanita dan lelaki. Seperti mana hasil temubual bersama (AP04), beliau menyatakan cara beliau dalam mendidik rakyat khususnya di kawasan parlimennya di mana beliau mendidik atau memperkasakan komuniti tersebut cara beliau sendiri. Beliau turut mendidik rakyat ini agar tidak terus bergantung harap kepada ahli parlimen dalam segala urusan. Berikut adalah kenyataan oleh (AP04) yang telah menyatakan seperti mana berikut:

...“dalam mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi dengan konstituen, saya lebih suka memperkasakan mereka”... Saya yang ajar mereka macam mana mereka perlu berurusan... Mereka perlu tahu untuk berurusan dengan Majlis Perbandaran, pejabat tanah. Mereka tidak perlu bergantung pada ahli parlimen semata-mata. “Mereka tidak perlu melalui ahli politik. Mereka mampu untuk menyelesaikan masalah

Perwakilan Wanita dalam Parlimen Malaysia

mereka sekiranya mereka tahu rujukan yang perlu jumpa.”...- (AP04, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, 12 Januari 2018)

Perwakilan Substantif yang Bersifat Terpilih

Dapatan juga menunjukkan bahawa perwakilan wanita yang bermakna adalah selektif dan bergantung kepada konteks isu tersebut. Beberapa responden mengatakan bahawa mereka lebih selesa memperjuangkan isu yang dianggap “selamat” dan tidak menimbulkan konflik politik. Seorang responden menerangkan:

“Isu seperti hak wanita memang penting, tetapi tidak semua isu boleh dibicarakan secara terbuka. Kami harus memilih isu yang sesuai dengan keadaan dan masa.”
(AP01)

Kondisi ini menunjukkan bahawa perwakilan bermakna tidak berlaku secara menyeluruh, tetapi terhad kepada isu-isu tertentu yang tidak mengganggu struktur kuasa yang sedia ada. Sejarah itu selari dengan hujah Pitkin, di mana perwakilan bermakna memerlukan kebebasan dan keupayaan untuk bertindak, tetapi dalam kes ini kebebasan itu dibatasi oleh realiti politik yang ada.

Selain itu, (AP04) dalam temubualnya menyatakan bahawa sebagai ahli parlimen, keutamaan beliau adalah dengan memberikan khidmat kepada rakyat di kawasan perwakilannya di mana beliau membantu komuniti-komuniti ini menyelesaikan permasalahan, cara dan sebagainya. Begitu juga dengan ahli parlimen (AP01) yang menzahirkan peranan beliau adalah dengan bersuara apa jua kepentingan khususnya melibatkan kawasan perwakilannya, kepentingan rakyat tempatan, kepentingan pihak kerajaan negeri di peringkat Dewan Rakyat.

...“sudah tentu saya punya keutamaan adalah untuk memberi berkhidmat kepada apa ni kepada rakyat Ampang iaitu tentang bagaimana untuk mengatasi permasalahan mereka, cara dan sebagainya” ...- (AP04, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, 12 Januari 2018)

...“peranan kita, itu peranan kite di peringkat dewan rakyat lahh.. maknenye kite bersuara apa jua isu kepentingan kawasan kite, kepentingan rakyat tempatan, kepentingan kerajaan negeri”... -(AP01, Hotel Permai Inn, 6 Julai 2018)

Menjadi Wakil Wanita atau Wakil Parti?

Satu perkara utama yang muncul daripada keterangan ialah masalah identiti sebagai wakil. Responden sedar bahawa mereka sering dilihat sebagai wakil wanita, namun pada masa yang sama juga terikat dengan tugas sebagai wakil parti. Seorang responden menjelaskan dengan jelas tentang masalah ini:

“Orang mengharapkan AP wanita membawa isu mengenai wanita, tetapi dalam Parlimen kita, keutamaan tetap kepada parti. Kita tidak boleh terlalu menonjol sebagai wakil wanita sahaja.” (AP03)

Kalimat ini menunjukkan konflik antara perwakilan deskriptif dan perwakilan substantif. Walaupun kehadiran wanita menunjukkan perwakilan deskriptif, perwakilan substantif bergantung kepada kemampuan mereka menyesuaikan diri dengan struktur parti dan norma Parlimen. Dalam kerangka

Pitkin, keadaan ini menunjukkan bahawa kehadiran wakil yang ‘serupa’ tidak semestinya membawa tindakan yang benar-benar mewakili kepentingan kumpulan tersebut.

Menurut kajian oleh Ummu Atiyah⁵⁶ yang mengkaji tentang perwakilan wanita di dalam Parlimen ke 10 dan 11 telah menyatakan bahawa penggubal undang-undang wanita lebih responsif terhadap kepentingan wanita daripada penggubal undang-undang lelaki. Ahli parlimen wanita sangat memainkan peranan mereka dalam menyuarakan masalah berhubung dengan wanita, kanak-kanak dan keluarga. Bukan itu sahaja, jelas menunjukkan bahawa ahli parlimen wanita ini tidak mensia-siakan masa dan kedudukan mereka dalam Dewan Rakyat khususnya dalam membangkitkan dan memperjuangkan hak wanita. Tambahan lagi, Zaireeni Azmi (2020)⁵⁷ menjelaskan kuantiti ahli parlimen wanita ini tidaklah menggambarkan kualiti ahli parlimen wanita di Dewan Rakyat. Dengan ini, permasalahan yang menjurus kepada isu wanita ini dapat didengari dan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi agar isu-isu ini dapat diselesaikan.

Analisis Kritikal Perwakilan Substantif dalam Konteks Malaysia

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa perwakilan yang sebenar bagi wanita dalam Parlimen Malaysia ada, tetapi hanya dalam bentuk yang terhad dan memerlukan syarat tertentu. AP wanita membawa isu-isu berkaitan wanita, tetapi peranan mereka sering terjejas oleh kekangan dalam struktur, disiplin parti, serta norma-norma di Parlimen. Oleh sebab itu, menjelaskan bahawa perwakilan yang sebenar tidak boleh dianggap sebagai hasil pasti daripada perwakilan yang menggambarkan kenyataan. Analisis ini memperkuat hujah bahawa peningkatan jumlah wanita dalam Parlimen perlu disertai dengan perubahan dalam institusi dan budaya politik bagi membolehkan perwakilan yang sebenar dan berkesan. Tanpa perubahan tersebut, perwakilan wanita berisiko kekal hanya sebagai simbol sahaja, seperti yang ditegaskan oleh Pitkin.

Kebanyakan ahli parlimen wanita khususnya, dilihat lebih aktif dalam membincangkan isu-isu wanita di dalam beberapa sesi seperti sesi PKM dan Usul berbanding ahli parlimen lelaki. Mereka ini juga menyetujui ideologi politik dan agama masing-masing demi kesejahteraan golongan wanita, keluarga dan kanak-kanak khususnya. Oleh yang demikian, setiap pemimpin ini juga perlulah mempunyai satu wawasan dalam usaha mencapai matlamat khususnya dalam membela kepentingan rakyat dan golongan wanita khususnya. Jadi, perlunya ahli parlimen wanita lebih ramai di Parlimen Malaysia memandangkan mereka ini banyak memperjuangkan isu-isu wanita dan membela nasib wanita hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Perbincangan Menyeluruh dan Sumbangan Ilmiah

Perwakilan Wanita dalam Politik Malaysia: Antara Kehadiran dan Tindakan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kehadiran wanita dalam Parlimen Malaysia selepas PRU13 masih menunjukkan ketegangan antara simbolik dan tindakan nyata (Abdul Rashid).⁵⁸ Walaupun jumlah AP wanita meningkat, ini hanya mencerminkan kemajuan dalam aspek perwakilan deskriptif. Namun, dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa kehadiran wanita tidak secara automatik membawa kepada perlindungan kepentingan wanita secara konsisten. Kajian ini menegaskan idea Pitkin yang menyatakan bahawa perwakilan politik tidak hanya dinilai berdasarkan siapa yang hadir, tetapi juga berdasarkan cara mereka bertindak.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa AP wanita beroperasi dalam struktur politik yang sangat berlandaskan parti. Kepatuhan kepada parti dan prioriti kepimpinan membentuk cara mereka bertindak. Dalam konteks ini, perwakilan wanita yang nyata hanya berlaku secara terpilih, bersyarat

dan sering kali memerlukan penyesuaian. AP wanita bukan tidak memahami isu gender, tetapi tindakan mereka dibentuk oleh keperluan untuk menyelaraskan agenda wanita dengan naratif Parlimen yang dominan dan kepentingan parti.

Penilaian Kritis terhadap Teori Perwakilan Pitkin dalam Konteks Malaysia

Penerapan teori perwakilan Pitkin dalam kajian ini membolehkan analisis yang lebih kritis terhadap realiti politik Malaysia. Hasil kajian mengesahkan bahawa perwakilan deskriptif merupakan syarat penting untuk perwakilan substantif, tetapi ia tidak menjamin kejayaan tersebut. Dalam konteks Malaysia, perwakilan deskriptif wanita berfungsi sebagai mekanisme legitimasi demokratik, namun sering kali gagal menentang struktur kuasa patriarki yang terbenam dalam sistem politik berparti.

Berbeza dengan kajian-kajian sebelumnya yang menggunakan konsep Pitkin secara konseptual, kajian ini menunjukkan secara empirik bagaimana perwakilan substantif wanita dibatasi oleh faktor-faktor institusi. Ini menunjukkan bahawa teori Pitkin perlu ditafsir secara kontekstual, dengan mempertimbangkan struktur parti, budaya politik, dan norma-norma institusi Parlimen. Dengan itu, kajian ini memberi sumbangan kepada pengayaan teori dengan menunjukkan batasan keberkesanan perwakilan substantif dalam sistem politik yang sangat terinstitusikan.

Sumbangan Ilmiah Kajian

Artikel ini memberi sumbangan ilmiah yang penting kepada kajian tentang wanita dan politik di Malaysia. Pertama, kajian ini mengalihkan fokus perbincangan daripada soalan “berapa ramai wanita dalam Parlimen” kepada soalan “apa yang dilakukan oleh wanita dalam Parlimen”. Peralihan ini penting kerana ia menantang kecenderungan literatur tempatan yang terlalu memfokuskan pada jumlah perwakilan.

Kedua, kajian ini memberi sumbangan kepada literatur dengan mengguna Teori Perwakilan Pitkin secara empirikal melalui analisis temu bual dengan AP wanita. Pendekatan ini membolehkan penilaian yang lebih dalam tentang perwakilan yang sebenar dan menunjukkan perbezaan antara harapan gender dengan kenyataan politik di dalam parti.

Ketiga, kajian ini memperkaya perbincangan tentang gender dan politik di Malaysia dengan menekankan pengalaman peribadi AP wanita sebagai individu yang berada dalam politik. Cerita yang diberikan oleh responden menunjukkan bahawa kegagalan dalam perwakilan yang sebenar bukan hanya disebabkan oleh sikap individu, tetapi juga disebabkan oleh interaksi yang rumit antara struktur parti, norma institusi, dan budaya politik.

Implikasi Dasar dan Cadangan Kajian Masa Hadapan

Kajian ini menunjukkan kesan yang penting terhadap dasar dan reformasi politik. Kenaikan jumlah ahli parlimen wanita perlu disertai dengan perubahan dalam institusi agar mereka dapat bekerja dengan lebih baik dan memberi kesan yang besar. Contohnya ialah menstruktur semula mekanisme parti, memperkuat kumpulan kajian wanita dalam Parlimen, serta usaha menyebarkan perspektif jantina dalam proses mengemukakan undang-undang.

Bagi kajian masa depan, penyelidikan boleh diperluaskan dengan membandingkan pilihan raya atau menganalisis secara lintas negara di Asia Tenggara untuk memahami bagaimana konteks institusi mempengaruhi kewujudan AP wanita. Kajian kuantitatif yang menyertakan analisis Hansard juga boleh menambahkan maklumat kualitatif yang telah diperoleh untuk memberi gambaran yang lebih lengkap.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini menekankan bahawa kewujudan wanita dalam politik Malaysia tidak boleh diukur hanya melalui peningkatan jumlah sahaja. Ke hadiran wanita dalam Parlimen merupakan langkah penting, namun tanpa perubahan kepada struktur dan institusi, kewujudan tersebut mungkin tetap hanya bersifat simbolik. Dengan menggunakan teori perwakilan Pitkin secara empirikal, artikel ini memberi sumbangan yang berkesan kepada perbincangan akademik mengenai peranan wanita dalam politik dan membuka ruang perbincangan baru mengenai masa depan demokrasi gender di Malaysia.

Selain itu, kajian ini membincangkan tentang peranan ahli parlimen wanita khususnya di Dewan Rakyat pada Parlimen ke 13. Tesis kepada kajian ini adalah menganalisis peranan deskriptif dan substantif ahli parlimen wanita di Malaysia. Secara deskriptif, peranan ahli parlimen wanita adalah sama seperti mana-mana ahli parlimen lain di Malaysia kecuali dari segi bilangan ahli parlimen wanita. Namun begitu, bilangan ahli parlimen wanita yang tidak ramai tidak menjejaskan peranan mereka dalam memperjuangkan isu-isu wanita secara substantif.

Penghargaan

Kajian ini disokong oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2025/SS08/UMT/02/1) yang bertajuk 'Satu Model untuk Menangani Stereotaip Gender bagi Memperkasakan Wakil Politik Wanita di Malaysia'. Penulis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penulis yang telah memberikan kerjasama serta sumbangan idea dalam penghasilan artikel ini. Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah dan penyelia yang telah memberikan bimbingan, panduan serta cadangan yang amat berguna sepanjang proses penyelidikan dan penulisan artikel ini. Selain itu, penulis turut merakamkan penghargaan kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama dan kesediaan untuk berkongsi pandangan serta pengalaman mereka dalam sesi temu bual bagi tujuan kajian ini. Sumbangan yang diberikan oleh semua pihak ini amat bermakna dalam memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan baik serta menghasilkan dapatan yang bermanfaat.

Nota

¹ Mohd Rashid, A. S, *Ahli parlimen Wanita di dewan rakyat ketiga belas Malaysia: perwakilan deskriptif dan substantif*. Tesis disertasi, 2020.

² Aim, S. & Amalinda, S, *Women's Political Leadership In The ASEAN Region. Research Report, 1-52*, 2020.

³ Arba'iyah, M. N. *The Transition Of Malay Women's Role And Contribution In The Early 20th Century. Journal of Al-Tamaddun*, 15, No. 1, 2020.

⁴ Ehrhart, A., Lundâsen, S. W., & Lidén, G. *Examining The Relationship Between Women's Descriptive Political Representation And Women's Possibility To Participate In Civil Society Across Regime Types, Journal of Civil Society*, 20, No. 2, 2024.

⁵ Arik, D., Yushman, U. A. & Khoirul, F. *Managing Democracy In Malaysia Identity, Minorities And Representation, Jurnal Aristo Social, Politic, Humaniora*, 88,1, 2020.

⁶ Ramli et al. *To Denigrate An Adversary, We Assign Unfavourable Labels To Them: The Political Challenges Among Chinese Women In Peninsular Malaysia. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 52,1, 2025, pp. 72-92.

⁷ Selamat, A. *Kesamarataan Gender Dalam Bidang Industri Di Malaysia. Adakah Wanita Telah Bersedia?* Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2009.

- ⁸ Mansbridge, J. Should Blacks Represent Blacks And Women Represent Women? A Contingent” Yes”. *The Journal of Politics*, 61, No. 3. 1999, pp. 628-657.
- ⁹ Phillips, A. *Democracy And Representation: Or, Why Should It Matter Who Our Representatives Are? In Feminism And Politics*, Vol. 224, Oxford University Press, New York, 1998, p. 240.
- ¹⁰ Rashila, R. Pemerkasaan Wanita dalam Politik Malaysia. *Jurnal Poelitik*, 4, No.1, 2008, hlm. 181-194
- ¹¹ Nor Rafidah, S., Sity, D., & Samsudin, M. Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika*, 87. No.3, 2017, hlm. 63-75.
- ¹² Muhammad Rahimi, H., & Bahiyah, A. H. Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 35, No. 1, 2017, hlm. 91-116.
- ¹³ Arblaster, A. *Democracy* (2nd ed.). Open University Press, Buckingham, 1994.
- ¹⁴ Reingold, B. *Representing women: Sex, gender, and legislative behavior in Arizona and California*, University of North Carolina Press, 2000.
- ¹⁵ Fatimi Hanafi, e t.al., Faktor-Faktor P englibatan Wanita M elayu D alam P olitik D i M alaysia. Amalan Demokrasi Dan Dasar Agama Islam. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 2015, hlm. 1-9.
- ¹⁶ Goh Lan Shen. Et.al. Feminism And A View of Conservative Gender Roles Among Young Working Women In Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 6, No. 8, 2021.
- ¹⁷ Junaidi, A. B. Geopolitik Wanita Dalam Pilihan Raya Malaysia. *International Journal of Law, Government And Communication*, 7, No. 9, 2022.
- ¹⁸ Karen Celis & Sarah Childs. *Women’s Good Political Representation*. Review article, 27, 2023.
- ¹⁹ Muhamad, R. H. Emansipasi Dan Nasionalisme Dalam Politik Wanita Melayu Pra Merdeka: Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(1), 2002.
- ²⁰ Lucy, S. S., Awang, M. A. M. & Haslina, H, Peranan Biro Wanita Dan Sayap Pemuda Dalam Politik Pilihan Raya Semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 Di Tamin Dan Meluan. *Kajian Malaysia*, 40, No.1, 2024.
- ²¹ Maria, G. & Katherine, S, Gender Inequalities In Political Participation And Political Engagement Among Young People In Europe: Are Young Women Less Politically Engaged Than Young Men. *Politics*, 42(1), 2022.
- ²² Mohd, A. R., et.al. *Muslim-Malay Women In Political Leadership: Navigating Challenges And Shaping The Future*. *Mazahib*, 23, No. 1, 2024.
- ²³ Muhammad, A. A. A., et.al. Perkembangan, Peranan Dan Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Islamic Social Sciences And Humanities*, No. 29, 2023.
- ²⁴ Muhammad, N. F., Zulkanain, A. R. & Fatimi, H. Isu dan pola kecenderungan undi wanita dalam konteks persaingan politik UMNO dan DAP di Johor, PRU12 hingga PRU14. *Journal Of History Department*, 33, No.1, 2024.
- ²⁵ Ummu Atiyah, A. Z. Substantive Representation Of Women In Malaysia Legislatures. *In Book: Substantive Representation Of Women In Asian Parliament*, 2022.
- ²⁶ Ummu Atiyah. A. Z. Challenges for women in Political Parties In Malaysia And Accelerations Strategies To Leadership In Politics. *Konrad Adenauer Stiftung*, 2023, pp. 1-36.
- ²⁷ Valeriya, M. When Does Women’s Political Representation Lead To Policy Change? *Development Dissertation Brief*, 2024, pp.1-37.
- ²⁸ Pitkin, H. F. *The Concept Of Representation*, University of California Press, 1967. p. 75,
- ²⁹ Phillips, A. *Democracy And Representation: Or, Why Should It Matter Who Our Representatives Are? In Feminism And Politics*, Oxford University Press, New York, 1998, p. 224.
- ³⁰ Adelina, A. & Md, S. A. *Qualitative Research: Understanding Its Underlying Philosophies*. *Forum For Education Studies*, 2(2), 2024.

- ³¹ Creswell, J. W. et., al. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*,. Thousand Oaks, CA, Sage, 1998.
- ³² Asadul, I. & Mazyed, F. A, Justification For Adopting Qualitative Research Method, Research Approaches, Sampling Strategy, Sample Size, Interview Method, Saturation, And Data Analysis. *Journal of international business and management*, 5, No.1, 2022.
- ³³ Ali Elhami, Conducting An Interview In Qualitative Research: The Modus Operandi, *MEXTESOL Journal*, 46, No.1, 2022.
- ³⁴ Creswell, J. W. et., al. *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks, CA, Sage, 1998.
- ³⁵ Creswell, J. W. Five Qualitative Approaches To Inquiry. *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Approaches*, 2, 2007, pp. 53-80.
- ³⁶ David, S. M. & Ntsoaki, T. M. Understanding Qualitative Research Methodology: A Systematic Review. *E-Journal Of Humanities, Arts And Social Science (EHASS)*, 6, No. 3, 2025, pp. 327-335.
- ³⁷ Jasmi, K. A, *Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif, Siri I*, 2012.
- ³⁸ Rozman, I, *Pengukuran Dalam Penyelidikan: Kebolehpercayaan Dan Kesahan Dalam Kajian*, 2018.
- ³⁹ Heger, K., & Hoffmann, C. P. Feminist Women's Online Political Participation: Empowerment Through Feminist Political Attitudes Or Feminist Identity. *Journal of Information Technology & Politics*, 20, No.4, 2022, pp. 393-406.
- ⁴⁰ Karen Celis & Sarah Childs. Women's good political representation. *Review article*, (27), 2023, pp.1-32.
- ⁴¹ Yoshikuni Ono & Yuya Endo. The Underrepresentation Of Women In Politics: A Literature Review On Gender Bias In Political Recruitment Processes. *Interdisciplinary information sciences j-stage advance*, 30. No.1, 2024, pp. 1-18.
- ⁴² Zaireeni Azmi et al. Men As Alies In Shaping A Gender Equitable Society: Perspective In Malaysia. *Align Report*, 2022.
- ⁴³ Rashila, R. The Multiple Roles of Rural Malay Women during the 1999 Election: The Case of Felda 8. *New Politics in Malaysia. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies*, 1999.
- ⁴⁴ Zakuan, U. A. A. & Zaireeni Azmi. Women Representation in the Malaysian Politics. Dlm Mohd Azizudin & Ummu Atiyah, *Democracy at Work in Malaysia*. Sintok, UUM Press, Kedah, 2017, hlm.131-150.
- ⁴⁵ Zakuan, U. A. A. & Zaireeni Azmi, *Women Representation in the Malaysian Politics*, 2017, pp. 131-150.
- ⁴⁶ Kartini, A. T. K. Women a Politics: Social Construction and Deconstruction. Dlm Mohd Azizudin & Ummu Atiyah, *Democracy at Work in Malaysia*, UUM Press, Sintok, Kedah, 2017, hlm. 151-168.
- ⁴⁷ Rozana Abdullah. Analisis Gender: Menyingkap Kecenderungan Ahli Parlimen Dalam Menyuarakan Isu Rakyat. *JUUM*. 34. No.2, 2024, hlm.71-83.
- ⁴⁸ Nankyung Choi. Women's political pathways in Southeast Asia. *International Feminist Journal of Politics*, 21. No,22, 2018, pp. 224-248.
- ⁴⁹ Alkharusi, H. A, Descriptive Analysis And Interpretation Of Data From Likert Scales In Educational And Psychological Research. *Indian Journal of Psychology and Education*, 12. No. 2, 2022, pp.13-16.
- ⁵⁰ Alkharusi, H, *A Descriptive Analysis And Interpretation of Data From Likert Scales In Educational And Psychological Research*, pp. 13-16.
- ⁵¹ Junaidi & Wan Mat Ali, Peranan Wanita Dalam Membangunkan Pendidikan Perempuan Di Sarawak, 1880-1963. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 51. No. 4, 2024, pp. 400-422.
- ⁵² Hotman, M., Tamaulina, Br., S. & Ismidar, Reformation Government And Role Political Law In Forming Public Policy, *International Journal of Law, Crime And Justice*, 1, No.4, 2024, pp. 206-212.
- ⁵³ Kahtrin Amann & Tobias Kindler. Social Workers In Politics—A Qualitative Analysis of Factors Influencing Social Workers'decision To Run For Political Office. *European Journal of Social Work*, 25, No.4, 2025, pp. 655-667.

⁵⁴ Anna Hallam & Philip Mendes, Social Workers as Politicians: The Key Factors Influencing Social Workers to Participate as Candidates in Political Elections in Australia. *The International Journal of Community And Social Development*, 0, No.0, 2025, pp. 1-19.

⁵⁵ Daniel Stockemer & Brittany Anlar, The Political Representation Of Young Adults: Explaining Youth's Underrepresentation In Parties, Candidacies, And Parliaments. *Electoral Studies*, 90, 2024, p.102836.

⁵⁶ Zakuan, U. A. A, *Representation of Women in the Malaysian Parliament, 1999-2007* (Doctoral dissertation, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia), 2014.

⁵⁷ Zaireeni Azmi. PAS: Permuafakatan Politik Sebagai Tapak Integrasi Dan Peranan Wanita. *Jebat: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies*, 47, No.3, 2002, hlm. 428-462.

⁵⁸ Ibid., hlm. 2.

Rujukan

Adelina, A. dan Md, S. A. 2024. "Qualitative Research: Understanding Its Underlying Philosophies," *Forum For Education Studies* 2," no. 2:1320.

Sinpeng, Aim, dan Amalinda Savirani. 2022. *Women's Political Leadership in the ASEAN Region: Research Report*. London: Westminster Foundation for Democracy (WFD). 52 pp.

Ali Elhami. 2022. "Conducting An Interview In Qualitative Research: The Modus Operandi," *MEXTESOL Journal* 46, no. 1: 1-7.

Alkharusi, H. 2022. "A Descriptive Analysis And Interpretation Of Data From Likert Scales In Educational And Psychological Research," *Indian Journal of Psychology and Education* 12, no. 2: 13-16.

Anna Hallam dan Philip Mendes. 2025. "Social Workers as Politicians: The Key Factors Influencing Social Workers to Participate as Candidates in Political Elections in Australia," *The International Journal Of Community And Social Development*. Advance online publication.

Arba'iyah, M. N. 2020. "The Transition Of Malay Women's Role And Contribution In The Early 20th Century," *Journal Of Al-Tamaddun* 15, no. 1: 67-84.

Arblaster, A. 1994. *Democracy* (2nd ed.). Buckingham: Open University Press.

Arik, D., Yusmicha, U. A. & Khoirul, F. 2020. "Managing Democracy In Malaysia (Identity, Minorities And Representation)," *Jurnal Aristo Social, Politic, Humaniano* 88, no. 1: 173-191.

Asadul, I. dan Mazyed, F. A. 2022. "Justification For Adopting Qualitative Research Method, Research Approaches, Sampling Strategy, Sample Size, Interview Method, Saturation, And Data Analysis," *Journal Of International Business And Management* 5, no. 1: 1-11.

AP01. 2018. Ahli Parlimen Wanita di Dewan Rakyat Ketiga Belas: Perwakilan Deskriptif dan Substantif. Terengganu. Temu Bual, 6 Julai.

AP02. 2018. Ahli Parlimen Wanita di Dewan Rakyat Ketiga Belas: Perwakilan Deskriptif dan Substantif. Kuala Lumpur. Temu Bual. 12 Mei.

AP03. 2018. Ahli Parlimen Wanita di Dewan Rakyat Ketiga Belas: Perwakilan Deskriptif dan Substantif. Kuala Lumpur. Temu Bual, 12 Januari.

AP04. 2018. Ahli Parlimen Wanita di Dewan Rakyat Ketiga Belas: Perwakilan Deskriptif dan Substantif. Selangor. Temu Bual. 12 Januari.

AP05. 2017. Ahli Parlimen Wanita di Dewan Rakyat Ketiga Belas: Perwakilan Deskriptif dan Substantif. Selangor. 22 Disember.

Creswell, J. W. et., al. 1998. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Creswell, J. W. 2007. "Five Qualitative Approaches To Inquiry," *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Approaches* 2: 53-80.

- Daniel Stockemer dan Brittany Anlar. 2024. "The Political Representation of Young Adults: Explaining Youth's Underrepresentation In Parties, Candidacies, And Parliaments," *Electoral Studies* 90: 102836.
- David, S. M. dan Ntsoaki, T. M. 2025. "Understanding Qualitative Research Methodology: A Systematic Review," *E-Journal Of Humanities, Arts And Social Science (EHASS)* 6, no. 3: 327-335.
- Ehrhart, A., Lundåsen, S. W., dan Lidén, G. 2024. "Examining The Relationship Between Women's Descriptive Political Representation and Women's Possibility to Participate In Civil Society Across Regime Types," *Journal of Civil Society* 20, no. 2: 150-169.
- Fatimi Hanafi., et.al. 2015. "Faktor-Faktor Penglibatan Wanita Melayu Dalam Politik Di Malaysia. Amalan Demokrasi dan Dasar Agama Islam." *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 1-9.
- Goh, Lan Shen. Et.al. 2021. "Feminism and a view of conservative gender roles among young working women in Malaysia," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6, no. 8: 463-485.
- Heger, K., dan Hoffmann, C. P. 2022. "Feminist Women's Online Political Participation: Empowerment Through Feminist Political Attitudes Or Feminist Identity," *Journal of Information Technology & Politics* 20, no. 4: 393-406.
- Hotman, M., Tamaulina, Br., S. dan Ismidar. 2024. "Reformation Government And Role Political Law In Forming Public Policy," *International Journal Of Law, Crime And Justice* 4: 206-212.
- Jasmi, K. A. 2012. Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif Dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1.
- Joshi, Devin K. 2022. "Substantive Representation of Women by Parliamentarians in Asia: A Comparative Study of Ten Countries." Dlm. *Substantive Representation of Women in Asian Parliaments*, disunting oleh Devin K. Joshi dan Christian Echle, 1-23. London: Routledge.
- Junaidi, A. B. 2022. "Geopolitik Wanita Dalam Pilihan Raya Malaysia," *International Journal Of Law, Government and Communication* 7, no. 9: 190-204.
- Junaid, A. dan Wan Mat Ali, W. N. 2024. "Peranan Wanita Dalam Membangunkan Pendidikan Perempuan Di Sarawak, 1880-1963," *Jebat: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 51, no. 4: 400-422.
- Karen Celis dan Sarah Childs. 2023. "Women's Good Political Representation," *Genero: Journal for Feminist Theory and Cultural Studies* 27, no. 1: 1-32.
- Lucy, S. S., Awang, M. A. M. dan Haslina, H. 2024. "Peranan Biro Wanita Dan Sayap Pemuda Dalam Politik Pilihan Raya Semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 di Tamin dan Meluan," *Kajian Malaysia* 40, no. 1: 161-189.
- Kahtrin Amann dan Tobias Kindler. 2022. "Social Workers In Politics—A Qualitative Analysis Of Factors Influencing Social Workers' decision To Run For Political Office," *European Journal Of Social Work* 25, no. 4: 655-667.
- Kartini, A. T. K. 2017. "Women and Politics: Social Construction and Deconstruction." Dlm. *Democracy at Work in Malaysia*, disunting oleh Mohd Azizuddin Mohd Sani dan Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, 151-168. Sintok, Kedah: UUM Press.
- Mansbridge, J. 1999. "Should Blacks Represent Blacks And Women Represent Women? A Contingent "Yes";," *The Journal of Politics* 61, no. 3: 628-657.
- Maria, G. dan Katherine, S. 2022. "Gender Inequalities In Political Participation And Political Engagement Among Young People In Europe: Are Young Women Less Politically Engaged Than Young Men," *Politics* 42, no. 1: 39-57.

- Mohd, A. R., et.al. 2024. "Muslim-Malay Women In Political Leadership: Navigating Challenges And Shaping The Future," *Mazahib* 23, no. 1: 305-350.
- Mohd Rashid, A. S. 2020. *Ahli Parlimen Di Dewan Rakyat Ketiga Belas Malaysia: Perwakilan Deskriptif Dan Substantif*. Tesis disertasi, Universiti Malaysia Terengganu.
- Muhammad, A. A. A., et.al. 2023. "Perkembangan, Peranan Dan Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal," *Journal Of Islamic Social Sciences And Humanities* 29: 232-251.
- Muhammad, N. F., Zulkanain, A. R. & Fatimi, H. 2024. "Isu Dan Pola Kecenderungan Undi Wanita Dalam Konteks Persaingan Politik UMNO Dan DAP Di Johor, PRU12 Hingga PRU14," *Journal Of History Department* 33, no. 1: 117-137.
- Muhamad, R. H. 2020. "Emansipasi Dan Nasionalisme Dalam Politik Wanita Melayu Pra Merdeka: Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani Dan Shamsiah Fakeh," *International Journal Of The Malay World And Civilisation* 8, no. 1: 17-27.
- Nankyung, Choi. 2018. "Women's Political Pathways In Southeast Asia," *International Feminist Journal Of Politics* 21, no. 22: 224-248.
- Nor Rafidah, S., Sity, D., dan Samsudin, M. 2017a. "Faktor Kepimpinan dan Gender dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia (1980-2013)," *Akademika* 87, no. 3: 63-75.
- Phillips, Anne. 1998. "Democracy and Representation: Or, Why Should It Matter Who Our Representatives Are?" Dlm. *Feminism and Politics*, disunting oleh Anne Phillips, 224-240. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Pitkin, H. F. 1967. *The Concept of Representation*. Berkeley: University of California Press.
- Ramli et.al. 2025. "To Denigrate An Adversary, We Assign Unfavourable Lables To Them: To Political Challenges Among Chinese Women In Peninsular Malaysia," *Jebat: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 52, no. 1: 72-92.
- Rashila, R. 1999. "The Multiple Roles of Rural Malay Women during the 1999 Election: The Case of FELDA J8." Dlm. *New Politics in Malaysia*, disunting oleh Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuttu, 129-140. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Rashila, R. 2008. "Pemeriksaan Wanita dalam Politik Malaysia: Pengamatan dan Analisis," *Jurnal Kajian Politik dan Masalah Pembangunan* 4, no. 1: 185-194.
- Reingold, B. 2000. *Representing Women: Sex, Gender, And Legislative Behavior In Arizona And California*. University of North Carolina Press.
- Rozana Abdullah. 2024. "Analisis Gender: Menyingkap Kecenderungan Ahli Parlimen Dalam Menyuarakan Isu Rakyat," *JUUM* 34, no. 2: 71-83.
- Rozman, I. 2018. Pengukuran Dalam Penyelidikan: Kebolehpercayaan Dan Kesahan Dalam Kajian.
- Selamat, A. 2009. *Kesamarataan Gender Dalam Bidang Industri Di Malaysia. Adakah Wanita Telah Bersedia?* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Tan Pek Leng. 2011. "Beyond Numbers: Women and Politics in Malaysia." Dlm. *Our Lived Realities: Reading Gender in Malaysia*, disunting oleh Cecilia Ng, Noraida Endut, dan Rashidah Shuib, 80-106. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ummu Atiyah, A. Z. 2022. Substantive Representation Of Women In Malaysia Legislatures. *In Book: Substantive Representation of Women In Asian Parliament*.
- Ummu Atiyah, A. Z. 2023. *Challenges for Women in Political Parties in Malaysia and Acceleration Strategies to Leadership in Politics*. Kuala Lumpur: Konrad-Adenauer-Stiftung Malaysia.
- Valeriya, M. 2024. *When Does Women's Political Representation Lead to Policy Change?*. Development Dissertation Brief 2024:05. Stockholm: Expert Group for Aid Studies (EBA).

- Yoshikuni Ono dan Yuya Endo. 2024. "The Underrepresentation Of Women In Politics: A Literature Review On Gender Bias In Political Recruitment Processes," *Interdisciplinary Information Sciences J-Stage Advance* 30, no. 1: 1-18.
- Zakuan, U. A. A. dan Zaireeni Azmi. 2017. "Women Representation in the Malaysian Politics." Dlm. *Democracy at Work in Malaysia*, disunting oleh Mohd Azizudin Mohd Sani dan Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, 131–150. Sintok, Kedah: UUM Press.
- Zakuan, Ummu Atiyah Ahmad. 2014. "Representation of Women in the Malaysian Parliament, 1999-2007." Doctoral dissertation, International Islamic University Malaysia.
- Zaireeni Azmi et al. 2022. *Men As Alies In Shaping A Gender Equitable Society: Perspective In Malaysia*. Align Report.